

Kosmo
17/11/16
ms 6

Segelintir ibu bapa ragu-ragu status halal vaksin untuk imunisasi anak-anak

Tolak vaksin meningkat di Kedah

Oleh ZAID MOHD. NOOR

ALOR SETAR – Jabatan Kesihatan Kedah akan mengadakan beberapa siri program penerangan mengenai penggunaan vaksin dalam perubatan ekoran kes penolakan vaksin semakin meningkat di negeri ini disebabkan keraguan ibu bapa terhadap status halalnya sejak tiga tahun kebelakangan ini.



YONG KONG

dan Perpaduan negeri, Datuk Dr. Leong Yong Kong berkata, program itu akan dilaksanakan bersama pejabat Mufti dan Jabatan Agama Islam Kedah bagi memberi keyakinan kepada masyarakat.

Menurutnya, berdasarkan kepada keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan sebelum ini menunjukkan penggunaan vaksin adalah harus dan bukan haram.

“Salinan (keputusan) fatwa akan dibekalkan dan dipamerkan di setiap klinik dan hospital



Sidang
DUN Kedah

untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai penggunaan vaksin,” katanya ketika sesi penggulangan Bajet Kedah 2017 pada Sidang Dewan Undangan Negeri di sini semalam.

Tambah Yong Kong, sebanyak 75.8 peratus yang menolak penggunaan vaksin disebabkan keraguan terhadap status halal vaksin.


Jelasnya, statistik Unit Pembangunan Kesihatan Keluarga

negeri menunjukkan tahun 2013, Kedah mencatatkan 0.6 peratus atau 167 kes penolakan vaksin diikuti 0.8 peratus atau 239 kes (2014) dan 1.1 peratus atau 318 kes (2015).

“Walaupun jumlah yang kecil, namun ia sangat membimbangkan,” katanya.

Jelasnya, sebanyak 18.6 peratus yang menolak vaksin itu pula memilih menggunakan vaksin homeopati sedangkan ia tidak diiktiraf badan homeopati antarabangsa.

Tambahnya, daerah Baling merekodkan kes tertinggi penolakan vaksin dengan 72 kes diikuti Kulim (42 kes) dan Padang Terap (42 kes) pada tahun lalu.



KES penolakan vaksin semakin meningkat di Kedah ekoran keraguan ibu bapa terhadap status halal vaksin sejak tiga tahun kebelakangan ini.

– Gambar hiasan